

SOALAN OBJEKTIF**[40 markah]****Jawab semua soalan**

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka.

- Hasil cukai perdagangan
- Cukai
- Ufti

Siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hasil perbendaharaan kerajaan?

- A Bendahara
 - B Syahbandar
 - C Temenggung
 - D Penghulu Bendahari
- 2 Antara berikut, yang manakah peranan seorang pembesar dalam sesebuah pentadbiran?
- A Mewujudkan perpaduan rakyat
 - B Mengutip hasil melalui sistem serah
 - C Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang
 - D Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat negeri
- 3 Pendidikan dalam kalangan rakyat Indonesia merupakan isu utama yang dibangkitkan oleh nasionalis Indonesia pada peringkat awal. Mengapakah isu ini menjadi matlamat utama perjuangan mereka?
- A Pendidikan dapat mengubah nasib rakyat Indonesia
 - B Penduduk Indonesia tidak mendapat pendidikan formal
 - C Peluang pendidikan di Indonesia hanya untuk golongan elit
 - D Pendidikan Barat menyebabkan pendidikan tradisional terabai
- 4 Akhbar dan majalah telah memainkan peranan penting dalam memupuk semangat nasionalisme. Apakah akhbar dan majalah yang dimaksudkan?
- I Majalah Guru
 - II Utusan Malaysia
 - III *The Malaya Mail*
 - IV Lembaga Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa menjalankan tanggungjawabnya dalam memastikan keamanan dunia mengakibatkan meletusnya Perang Dunia Kedua. Apakah krisis-krisis yang gagal ditangani oleh liga tersebut?

- I Penaklukan Jepun ke atas Manchuria
- II Pencerobohan Itali di wilayah Poland
- III Kemunculan negara baharu yang tidak terkawal
- IV Keingkaran Jerman mematuhi Perjanjian Versailles

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 6 Mengapakah Jerman melancarkan Operasi Barbarossa setelah menguasai Eropah Barat?

- A Bagi mengadakan gerakan politik radikal
- B Bagi menjejaskan ekonomi Britain
- C Bagi menakluki negara Perancis
- D Bagi menawan Rusia

- 7 Gagasan Malayan Union telah diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan British Military Administration (BMA).

Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan Malayan Union diperkenalkan?

- I Melicinkan sistem pentadbiran
- II Menambah kos pentadbiran
- III Menyatupadukan rakyat
- IV Meningkatkan pelaburan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Berikut merupakan maklumat mengenai suatu peristiwa.

Tarikh	Peristiwa
1 Julai 1946	Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British

Mengapakah peristiwa berikut ditentang oleh penduduk Sarawak?

- A Kemerdekaan negeri dipercepat
- B Kuasa pembesar tempatan terhapus
- C Pemerintahan Vyner Brooke berakhir
- D Bercanggah dengan Perlembagaan 1941

- 9 Mengapakah golongan nasionalis Melayu radikal memberi penekanan kepada kebebasan hak bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar?
- A Ingin membuka minda rakyat ke arah negara yang merdeka
 - B Ingin mengetahui masalah yang dihadapi orang Melayu
 - C Ingin mewujudkan perpaduan antara kaum
 - D Ingin mewujudkan ekonomi orang Melayu
- 10 Maklumat berikut merupakan piagam yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Piagam Atlantik

Apakah kesan pengenalan piagam tersebut kepada Tanah Melayu?

- A British membentuk Malayan Union
 - B British mempertahankan hak istimewa orang Melayu
 - C British bersetuju membentuk Persekutuan Tanah Melayu
 - D British memperketat kerakyatan penduduk Tanah Melayu
- 11 Berikut adalah buku yang ditulis oleh Karl Marx dan Friedrich Engels.

Das Kapital

Apakah fahaman yang diasaskan oleh tokoh-tokoh tersebut?

- A Sosiolisme
 - B Komunisme
 - C Liberalisme
 - D Nasionalisme
- 12 Maklumat berikut merujuk pasukan keselamatan yang diwujudkan di negara kita.

- Senoi Praaq
- Sarawak Rangers

Apakah peranan pasukan tersebut?

- A Membekalkan sumber makanan
- B Memberikan latihan ketenteraan
- C Mengawasi kawasan perlombongan
- D Menjejaki tempat persembunyian komunis

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha ke arah kemerdekaan.

Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada Januari 1949.

Apakah cadangan jawatankuasa tersebut untuk mencapai objektifnya?

- A Mewujudkan kerjasama politik
- B Melonggarkan kewarganegaraan
- C Mengekalkan sekolah vernakular
- D Memberikan hak sama rata antara kaum

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan sebuah parti politik di negara kita.




Kesediaan menempuh cabaran dan rintangan bagi mencapai kemerdekaan negara.

Apakah parti tersebut?

- A Persetiaan Melayu Kelantan
- B Persatuan Melayu Semenanjung
- C Parti Perikatan (UMNO, MIC, MCA)
- D Angkatan Pemuda Insaf

- 15 Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan pilihan raya yang diadakan di negara kita sebelum merdeka.



Apakah X?

- A Johor Bahru
- B George Town
- C Alor Setar
- D Jesselton

- 16 Gambar berikut menunjukkan salah satu tempat mengundi dalam pilihan raya.



Apakah nilai yang ditunjukkan oleh para pengundi?

- A Kesabaran
 - B Perpaduan
 - C Tanggungjawab
 - D Semangat setiakawan
- 17 Gambar berikut menunjukkan ketibaan rombongan merdeka diarak hingga ke Padang Banda Hilir, Melaka.



Apakah peristiwa penting yang berlaku pada ketika itu?


- A Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
- B Penurunan bendera British Union Jack
- C Pemasyhuran Hari Kemerdekaan negara
- D Pembentukan Ahli Suruhanjaya Cobbold

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan cara pemberian kewarganegaraan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Cara Pemberian Kewarganegaraan
• Kuatkuasa undang-undang • Permohonan • X

Apakah X?

- A Pengecualian
 - B Pemindahan
 - C Naturalisasi
 - D Nasionalisme
- 19 Apakah takrifan kemerdekaan menurut Kamus Dewan?
- A Perjuangan politik
 - B Pembentukan negara
 - C Berkorban untuk negara
 - D Bebas daripada penjajahan
- 20 Gambar berikut merupakan lambang kebangsaan Malaysia.



Mengapakah lambang tersebut diwujudkan?

- I Lambang jati diri
 - II Simbol kemegahan
 - III Lambang kedaulatan
 - IV Simbol perpaduan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 21 Senarai berikut berkaitan dengan kesejahteraan sosial.

- Rukun Negara
- Bahasa Kebangsaan

Apakah matlamat perkara tersebut diperkenalkan?

- A Menyalurkan bantuan kewangan
- B Memastikan semangat persaingan
- C Memupuk perasaan individualistik
- D Memupuk perasaan muhibah rakyat

- 22 Gambar berikut menunjukkan kepelbagaian budaya dan adat resam kaum di negara kita.



Apakah kesimpulan daripada gambar tersebut?

- A Mengadakan kunjung-mengunjung
- B Mematuhi undang-undang negara
- C Mengekalkan perpaduan kaum
- D Menunjukkan keunikan negara

- 23 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster. Dari negara manakah model tersebut diambil?

- A Britain
- B Belanda
- C Sepanyol
- D Amerika Syarikat

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah.

Boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Apakah mahkamah tersebut?

- A Mahkamah Tinggi Borneo
- B Mahkamah Persekutuan
- C Mahkamah Rayuan
- D Mahkamah Atasan

25 Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- A Mengubah sempadan negeri
- B Mengetuai perkhidmatan awam
- C Mengawal perbelanjaan kerajaan
- D Melantik diplomat ke luar negara

26 Apakah kepentingan institusi berikut terhadap negara kita sehingga hari ini?



Parlimen

- A Menjayakan pelaksanaan dasar luar
- B Memelihara kebebasan asasi rakyat
- C Menggubal undang-undang negara
- D Membentuk pemerintahan kerajaan

27 Senarai Negeri memperuntukkan kuasa Kerajaan Negeri. Perkara yang manakah terletak dalam Senarai Negeri?

- A Tanah
- B Pelajaran
- C Kesihatan
- D Pertahanan

28 Apakah faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan di negara kita?


- I Keluhuran Perlembagaan
- II Sistem demokrasi berparlimen
- III Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- IV Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Apakah konsep gagasan Malaysia?

- A Menggabungkan negara-negara di Asia Tenggara
- B Menyatukan negara-negara maju di Asia Tenggara
- C Menyatukan negara-negara sedang membangun di Asia Tenggara
- D Menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara

- 30 Rajah berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia.



Mengapakah wilayah tersebut menyokong gagasan Malaysia?

- I Mengelakkan dekolonisasi
 - II Menamatkan ancaman komunis
 - III Mengukuhkan benteng pertahanan
 - IV Memenuhi desakan penduduk tempatan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan isu pembangunan ekonomi.

- Kadar pengangguran meningkat
- Peluang pekerjaan terhad

Apakah usaha yang dapat dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut?

- A Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal
 - B Melaksanakan dasar pembangunan luar bandar
 - C Menubuhkan sekolah berasrama penuh
 - D Mempelbagaikan bidang pertanian
-
- 32 Andai kata anda menganggotai MAGERAN, apakah perkara utama yang perlu anda berikan perhatian?
- I Perpaduan kaum
 - II Ketidakeimbangan ekonomi
 - III Kesetiaan kepada raja
 - IV Masalah pendidikan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

33 Mengapakah perkhidmatan Feri Malaysia diperkenalkan ke seluruh negara?

- A Menghantar barangan kargo
- B Mengeksport kenderaan serta jentera berat
- C Menggalakkan integrasi nasional
- D Memajukan sektor perkapalan

34 Institusi berikut mempunyai kaitan dengan peranan Bahasa Melayu.

- Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Universiti Kebangsaan Malaysia

Mengapakah institusi tersebut ditubuhkan oleh kerajaan?

- A Ciri-ciri negara bangsa
- B Memperkasakan bahasa Melayu
- C Menggalakkan kemasukan pelajar asing
- D Melahirkan tenaga kerja mahir

35 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan agensi kerajaan.



Apakah matlamat penubuhan agensi tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup nelayan serta pemodenan sektor perikanan
- B Membantu penyelidikan dan penanaman semula industri getah
- C Melibatkan petani dan pekebun kecil dalam sektor koperasi
- D Mengawal selia beras dan menstabilkan harga padi



- 36 Antara berikut, yang manakah pusat latihan ditubuhkan oleh kerajaan untuk golongan belia?
- I Sekolah Teknik
 - II Sekolah Vokasional
 - III Institut Latihan Perindustrian (ILP)
 - IV Pusat Latihan Kemahiran Giatmara
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 37 Antara berikut, yang manakah matlamat penggubalan dasar luar?
- I Mempertahankan kemerdekaan
 - II Menyatukan rakyat antarabangsa
 - III Meningkatkan keyakinan rakyat
 - IV Melindungi kepentingan nasional
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 38 Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan baharu iaitu Perjanjian Pertahanan Lima Negara bagi mengekalkan keselamatan negara.
Apakah yang akan diperoleh menerusi perjanjian tersebut?
- A Meningkatkan kawalan sempadan
 - B Melengkapkan teknologi persenjataan
 - C Memperoleh bantuan teknikal dan latihan
 - D Menambah bilangan pasukan keselamatan

- 39 Maklumat berikut berkaitan pihak yang melancarkan gerakan antiminyak sawit.

NGO Pencinta Alam di Eropah menganggap penanaman kelapa sawit sebagai punca pencemaran alam sekitar dan kemusnahan hutan.

Apakah tindakan Malaysia bagi menangani isu ini?

- I Mengadakan kempen berterusan
 - II Mendapat sokongan negara ASEAN
 - III Menghasilkan minyak sawit hidroponik
 - IV Mendapatkan skim pensijilan MSPO
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 40 Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara ditandatangani pada tahun 1995. Apakah tindakan Malaysia bagi memastikan perairan negara bebas daripada senjata nuklear?
- A Melarang latihan senjata nuklear
 - B Mengiklankan keburukan nuklear
 - C Mengkaji keburukan kesan nuklear
 - D Memboikot negara pengeluar nuklear

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A**[40 markah]***Jawab semua soalan*

- 1** Imperialisme Barat yang bermula sejak abad ke-16 telah mencetuskan gerakan nasionalisme di negara-negara Asia Tenggara.

(a) Jelaskan maksud nasionalisme.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah kegagalan Gerakan Propaganda di Filipina mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda memupuk semangat nasionalisme pada masa kini?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Selepas Perang Dunia Kedua, Sarawak diserahkan kepada British. Penyerahan Sarawak ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk tempatan.

(a) Mengapakah Sarawak diserahkan kepada British?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(b) Jelaskan sebab rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Sebagai generasi hari ini, apakah yang akan anda lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada sebarang penjajahan bentuk baharu pada masa hadapan?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 3 Sejak merdeka, Sistem Persekutuan dapat berfungsi dengan baik di negara kita. Prinsip Persekutuan menyumbang kepada kestabilan hubungan antara negeri. Kerjasama antara dua pihak dapat memberikan manfaat kepada kesejahteraan negara.

(a) Berikan dua faktor yang mengukuhkan sistem persekutuan di negara kita.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan faktor dalam perkara 3(a) tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Rakyat dan pemimpin pada semua peringkat perlu menunaikan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan sistem Persekutuan membawa kemakmuran kepada negara. Pada pendapat anda, apakah kepentingan memahami tanggungjawab rakyat dan pemimpin tersebut dalam membangunkan negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4 Salah satu cabaran dalaman selepas pembentukan Malaysia ialah ancaman komunis di Sarawak.

(a) Apakah bentuk ancaman komunis tersebut?

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan menangani ancaman komunis di Sarawak?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Gambar di bawah menunjukkan serangan komunis terhadap Tugu Negara.



Muhammad Ghazali Shafie bersama-sama Ketua Polis Kuala Lumpur, Mohd Amin Osman melihat kemusnahan tugu yang dibom oleh PKM.

Apakah perasaan anda ketika itu dan bagaimana anda berkerjasama dengan kerajaan untuk membanteras ancaman tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....
.....
[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5 Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan bagi menggantikan Malayan Union 1946.

(a) Jelaskan latar belakang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. [4 markah]

(b) Terangkan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. [8 markah]

(c) Baca dan teliti maklumat dalam petikan di bawah.

Perlembagaan Malayan Union yang diperkenalkan pada 1 April 1946 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang berkuatkuasa pada 1 Februari 1948, meskipun telah melahirkan sebuah negara bangsa baru, namun dari segi perundangan dan struktur pemerintahannya memperlihatkan pertentangan yang ketara. Perlembagaan Malayan Union, memindahkan segala kekuasaan Raja-raja Melayu kepada Raja Britain sekaligus telah melenyapkan kedaulatan para baginda. Manakala dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, kedaulatan Raja-raja Melayu telah dikembalikan. Walau bagaimanapun, dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, para baginda perlu menyerahkan sebahagian daripada kekuasaan baginda bagi membolehkan kerajaan pusat yang dibentuk dapat berfungsi dalam sistem pemerintahan persekutuan. Perlembagaan Malayan Union juga dilihat memperuntukkan pelaksanaan pemerintahan bersifat kesatuan. Kerajaan pusatnya diketuai oleh seorang Gabenor yang diperuntukkan kuasa yang begitu luas. Kerajaan negeri sungguhpun dikekalkan namun tidak ditetapkan sebarang bidang kuasa kecuali jika diturunkan oleh kerajaan pusat. Perlembagaan Persekutuan 1948 pula meletakkan Negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka di bawah sistem persekutuan yang menggariskan pemisahan kuasa yang jelas antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Sumber: *Dr. Ahmad Kamal, Malayan Union dan Persekutuan 1948, UM Research Repository*

Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan dan sejauh manakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjadi asas kepada sistem pemerintahan berparlimen di Malaysia hari ini?

[8 markah]

6 Pada 8 Mac 1956, setelah mendapat persetujuan Raja-Raja Melayu, kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid.

- (a) Huraikan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. [6 markah]
- (b) Jelaskan langkah-langkah pengubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. [6 markah]
- (c) Baca dan teliti maklumat dalam petikan di bawah.

Mutakhir ini, isu berkaitan kontrak sosial terus diungkit dan menjadi polemik dalam kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum. Siri polemik itu jika tidak ditangani mampu mengundang ketegangan kaum dan menggugat keselamatan negara. Sumber daripada Majlis Profesor Negara menyatakan konsep kontrak sosial itu merujuk kepada persetujuan bersama yang tercapai dalam kalangan pemimpin Melayu, Cina dan India pada tahun 1956. Persetujuan dan kesepakatan itu berlaku ketika Suruhanjaya Reid sedang mengumpulkan pandangan pelbagai pihak yang tinggal di negeri-negeri Tanah Melayu untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan bagi mencapai kemerdekaan pada 1957. Perlembagaan negara kita unik kerana terhasil melalui perjuangan orang Melayu menolak Malayan Union dan rakyat menuntut kemerdekaan. Kontrak sosial bukan sekadar sebuah dokumen mengenai peraturan dan cara pengendalian sesebuah negara. Namun yang lebih penting lagi ia asas kontrak sosial antara pelbagai komponen yang saling berkaitan.

Sumber ubahsuai: <http://www.sinarharian.com.my/article/52989/KOLUMNIS>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan langkah bagi memastikan rakyat mematuhi kontrak sosial tersebut. [8 markah]

7 Dasar Pendidikan Kebangsaan dirangka sebelum negara mencapai kemerdekaan. Pelbagai isu mengenai pendidikan negara diberikan perhatian termasuk usaha memartabatkan bahasa pengantar yang sama untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

- (a) Nyatakan kandungan utama yang ditekankan dalam Akta Pendidikan 1996. [4 markah]
- (b) Jelaskan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. [8 markah]
- (c) Penggunaan bahasa kebangsaan dapat memupuk perpaduan kaum. Berikan komen anda. [8 markah]

- 8 Perubahan yang berlaku dalam bidang ekonomi, sosial dan politik telah memberikan cabaran dan mengubah landskap dasar luar Malaysia sejak mencapai kemerdekaan sehingga kini.
- (a) Huraikan cabaran-cabaran untuk mengukuhkan dasar luar negara kita sejak mencapai kemerdekaan. [6 markah]
- (b) Jelaskan bentuk cabaran dalam mengukuhkan dasar luar yang bakal dihadapi oleh negara kita pada masa akan datang. [6 markah]
- (c) Teliti gambar berikut.



30 rakyat Palestin terbunuh dalam serangan udara Israel di Rafah
(sumber: Sinar Harian.com)



Serangan Israel ke atas Gaza
(Sumber: astroawani.com)

Berikan ulasan anda.

[8 markah]

- 9 Rajah berikut berkaitan isu kemanusiaan dan keamanan yang diperjuangkan oleh rakyat Malaysia.

- Isu Palestin
- Isu Syria
- Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

- (a) Nyatakan isu berikut:

(i) Isu Palestin

[2 markah]

(ii) Isu Syria

[2 markah]

(iii) Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah rakyat Malaysia membantu menangani isu di 9(a)?

[6 markah]

- (c) Apakah iktibar yang dapat diambil daripada isu kemanusiaan dan keamanan tersebut?

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS 1

SOALAN	JAWAPAN	MUKA SURAT BUKU TEKS	SOALAN	JAWAPAN	MUKA SURAT BUKU TEKS
1	D	9	21	D	11
2	B	12	22	D	9
3	A	30	23	A	27
4	B	38	24	B	30
5	B	59	25	D	48
6	D	60	26	C	53
7	B	96	27	A	70
8	D	109	28	B	80
9	A	129	29	D	90
10	C	133	30	C	93
11	B	146	31	A	128
12	D	154-155	32	A	130
13	A	174	33	C	140
14	C	184-185	34	B	149
15	B	196	35	D	169
16	C	201	36	D	176
17	A	219	37	B	196
18	C	224	38	C	209
19	D	234	39	B	228
20	B	247	40	A	244

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



KERTAS 2

Soalan	Perincian	Markah
1 (a)	Jelaskan maksud nasionalisme. F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara F2 Semangat kebangsaan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan F3 Pembelaan terhadap bangsa dan negara F4 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing [Mana-mana 3 x 1 m]	1 1 1 1 [3 m]
(b)	Bagaimanakah kegagalan Gerakan Propaganda di Filipina mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal? F1 Andres Bonifacio menubuhkan Katipunan F2 memperoleh kemerdekaan melalui revolusi F3 Katipunan menggunakan akhbar <i>Kalayan</i> F4 menyebarkan idea revolusi kepada rakyat F5 Bonifacio dan Emilio Aguinaldo memimpin Katipunan F6 melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896 F7 menyingkirkan pemerintahan Sepanyol F8 namun usaha ini gagal F9 Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat F10 berjaya mengusir Sepanyol dari Filipina [Mana-mana 3 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [3 m]
(c)	Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda memupuk semangat nasionalisme pada masa kini? F1 Belajar bersungguh-sungguh F2 Sentiasa mematuhi peraturan F3 Bertindak mengikut arahan F4 Sentiasa berdisiplin F5 Berdiri ketika menyanyikan lagu kebangsaan F6 Mengibarkan jalur gemilang/bendera Malaysia F7 Menyertai pertandingan patriotisme F8 Menghormati rakan pelbagai bangsa [Mana-mana jawapan munasabah] [mana-mana 4 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Perincian	Markah
2	Selepas Perang Dunia Kedua, Sarawak diserahkan kepada British. Penyerahan Sarawak ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk tempatan.	
(a)	Mengapakah Sarawak diserahkan kepada British?	
	F1 Masalah perwarisan takhta	1
	F2 Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki	1
	F3 Semakin tua dan uzur	1
	F4 Enggan melantik Anthony Brooke menggantikannya	1
	F5 Desakan kerajaan British	1
	F6 British meluaskan penguasaannya di Sarawak	1
	F7 Menguasai kekayaan ekonomi	1
	F8 Menjaga kepentingan pelaburan British	1
	F9 Masalah kewangan	1
	F10 Selepas Perang Dunia Kedua	1
	F11 Lombong minyak musnah	1
	F12 Ladang getah terbiar	1
	F13 Kemudahan pendidikan/Kesihatan/jalan raya/lapangan terbang perlu dibaiki	1
	F14 Vyner Brooke tidak mampu membangunkan semula Sarawak	1
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3 m]
(b)	Jelaskan sebab rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut.	
	F1 Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941	1
	F2 Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941 memberikan pemerintahan sendiri kepada rakyat Sarawak	1
	F3 Penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri	1
	F4 Menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri	1
	F5 Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke	1
	F6 Membuat keputusan tanpa berbincang dengan Anthony Brooke dan Betram Brooke	1
	F7 Mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah	1
	F8 Gerald T. MacBryan menggunakan muslihat	1
	F9 Tekanan/desakan/pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan	1
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3 m]

(c)	Sebagai generasi hari ini, apakah yang akan anda lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada sebarang penjajahan bentuk baharu pada masa hadapan? F1 Memperteguhkan perpaduan kaum F2 Memastikan keamanan dan kemakmuran negara terpelihara F3 Menjalankan tugas dengan amanah F4 Meningkatkan lagi semangat patriotisme dalam diri F5 Menanamkan semangat sanggup berkorban untuk mempertahankan negara F6 Meningkatkan penguasaan diri dalam bidang teknologi F7 Taat setia kepada raja dan negara F8 Berani menghadapi cabaran [Mana-mana jawapan munasabah] [mana-mana 4 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]
-----	---	---

Soalan	Perincian	Markah
3 Sejak merdeka, Sistem Persekutuan dapat berfungsi dengan baik di negara kita. Prinsip Persekutuan menyumbang kepada kestabilan hubungan antara negeri. Kerjasama antara dua pihak dapat memberikan manfaat kepada kesejahteraan negara. (a) Berikan dua faktor yang mengukuhkan sistem persekutuan di negara kita. F1 Keluhuran Perlembagaan F2 Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri F3 Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri F4 Penubuhan majlis khas [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 [2 m]	
(b)	Jelaskan faktor dalam perkara 3(a) tersebut. F1 Sejak merdeka, Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi F2 Bagi mentakrifkan prinsip Persekutuan/pentadbiran negara F3 Undang-undang yang digubal Parlimen/DUN F4 Tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Parlimen/DUN tidak boleh menggubal undang-undang F5 Yang bercanggah antara satu sama lain F6 Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan utama F7 Apabila berlaku ketidakselarasan undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri	1 1 1 1 1 1 1

	F8	Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang negeri	1
	F9	Prinsip keluhuran Perlembagaan mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita	1
	F10	Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri	1
	F11	Mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri/dihadiri oleh Menteri Besar/Ketua Menteri	1
	F12	Mesyuarat membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan	1
	F13	Mesyuarat Khas Menteri Besar/Ketua Menteri pada 17 Mac 2020	1
	F14	Untuk menyelaraskan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) di seluruh negara bagi mengawal wabak	1
	F15	Coronavirus atau COVID-19	1
	F16	Majlis yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan	1
	F17	Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara	1
	F18	Tujuan menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
	F19	Majlis Kewangan Negara/Majlis Tanah Negara/Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan	1
	F20	Majlis Kewangan Negara mentadbir hal ehwal berkaitan kewangan seperti pemberian wang/bayaran cukai/pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri	1
	F21	Majlis Tanah Negara membentuk dasar/mengawal penggunaan tanah	1
	F22	Untuk kegiatan pertanian/perlombongan/perhutanan	1
	F23	Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan berunding dengan Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri untuk membangunkan Kerajaan Tempatan	1
	F24	Majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan	1
	F25	Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri juga dibuat melalui majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan	1
	F26	Majlis Keselamatan Negara/Majlis Air Negara/Majlis Perumahan Negara	1
		[Mana-mana 4 x 1 m]	[4 m]
(c)		Pada pendapat anda, apakah kepentingan memahami tanggungjawab rakyat dan pemimpin tersebut dalam membangunkan negara?	
		Rakyat	
	F1	Setia kepada raja dan negara	1
	F2	Menyokong usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik	1
	F3	Bekerjasama dengan semua kaun supaya agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua	1
	F4	Mematuhi undang-undang negara	1

	Pemimpin	
F5	Mewujudkan pentadbiran yang cekap	1
F6	Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran	1
F7	Mengagihkan sumber kekayaan negara secara adil	1
F8	Melaksanakan undang-undang negara menurut perlembagaan	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	[mana-mana 4 x 1m]
		[4 m]

Soalan	Perincian	Markah
4	Apakah bentuk ancaman tersebut?	
